

## **BAB 6**

### **PENUTUP**

#### **6.0 PENGENALAN**

Untuk bahagian penutup, saya akan membuat beberapa keputusan hasil daripada penyelidikan serta analisis saya terhadap istilah-istilah ekonomi yang terkandung dalam laporan ekonomi akhbar Utusan Malaysia.

#### **6.1 HASIL KAJIAN**

Secara keseluruhannya, didapati bahawa analisis terhadap korpus kajian iaitu akhbar Utusan Malaysia menampakkan hasilnya. Laporan ekonomi yang dikaji mengesahkan kewujudan istilah ekonominya walaupun kekerapan kewujudannya amat terhad. Ini bererti akhbar Utusan Malaysia telah menggunakan istilah yang sesuai dengan laras ekonomi dan mampu menyampaikan maklumat dengan lebih tepat dan jelas. Istilah-istilah ekonomi yang dikaji adalah berdasarkan Kamus Istilah Ekonomi. Analisis terhadap istilah-istilah ekonomi ini menunjukkan bahawa istilah-istilah ini terdiri daripada kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Golongan katanya pula melibatkan kata nama sahaja. Pengaruh daripada bahasa Inggeris pula amat ketara walaupun hanya wujud dalam sebahagian daripada kata dasarnya sahaja. Ekoran daripada itu, semua objektif kajian terjawab berdasarkan pandangan teori Nik Safiah

Karim iaitu pengkajian terhadap laras bahasa ditumpukan kepada dua aspek iaitu pola-pola penggunaan bahasa dan situasi latar.

Kajian istilah ekonomi juga menimbulkan beberapa kemungkinan yang harus dipertimbangkan oleh setiap ahli ekonomi dalam dunia realiti. Antaranya:

- a) Istilah ekonomi yang dikaji hanya melibatkan perkataan sahaja dan tidak melibatkan frasa istilah ekonomi. Ini bererti kajian ini lebih menjurus ke arah maksud kata istilah ekonomi. Seseorang yang ingin menceburi bidang ini semestinya mengetahui konsep-konsep umum istilah-istilah ekonomi yang popular ataupun sering digunakan pada masa kini. Tindakan sedemikian memudahkan seseorang itu memperoleh maklumat yang lebih tepat dan lebih berkesan dalam bidang ekonomi.
- b) Ekonomi negara sentiasa berubah-ubah bergantung kepada keaktifan perniagaan-perniagaan yang terdapat dalam sesebuah negara. Mungkin pada masa hadapan, istilah-istilah yang paling kerap digunakan pada masa ini menjadi tidak popular dan juga sebaliknya. Jadi, kajian seumpama ini amat penting sebagai salah satu rujukan kepada ahli ekonomi.
- c) Istilah ekonomi yang baru akan dicipta dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan dan keperluannya. Semakin maju ekonomi sesebuah negara itu, maka semakin perlulah penciptaan istilah-istilah baru berhubung bidang ekonomi untuk menampung keperluan sejagat. Kajian ini diperlukan pada masa akan datang agar ahli-ahli ekonomi tidak ketinggalan dalam menguasai istilah ekonomi supaya sentiasa maju ke hadapan.

Jadi, analisis laras yang dijalankan berjaya membentuk suatu kenyataan iaitu dapat membayangkan keadaan ekonomi semasa bagi sesebuah negara yang berkemungkinan

besarnya akan berubah dari semasa ke semasa. Melalui analisis istilah, saya boleh mengatakan bahawa analisis sedemikian juga boleh dipraktikkan dalam laras yang lain seperti laras sukan dan laras sains. Di samping itu, saya juga dapat meramalkan kegiatan ekonomi semasa yang dipentingkan pada masa akan datang berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi pada masa ini. Jadi, analisis seumpama ini amat penting untuk menyumbangkan jasa dalam bidang ekonomi negara kita. Semoga analisis seumpama ini dapat memberikan ilham kepada pengkaji bahasa yang lain agar dapat menghasilkan teori tertentu yang amat berguna dan bermanfaat terhadap negara kita dalam segala bidang ilmu.

## **6.2 CADANGAN-CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN**

Analisis terhadap korpus kajian untuk kali ini amat terbatas skopnya. Analisis hanya dapat dipraktikkan dalam aspek kata sahaja yang melibatkan beberapa kriteria seperti pembentukan kata, golongan kata, kata pinjaman dan kata bukan pinjaman sahaja. Kajian tidak dijalankan terhadap aspek frasa. Seperti yang diketahui umum bahawa istilah dalam sesuatu bidang itu biasanya melibatkan pembentukan frasa selain daripada pembentukan kata dalam korpus kajian.

Untuk itu, cadangan saya kepada pengkaji masa akan datang ialah pengkajian terhadap laras ekonomi harus dilaksanakan dalam bidang skop yang lebih luas iaitu frasa.

### 6.3 FAKTOR-FAKTOR UNTUK PERKEMBANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat beberapa faktor untuk perkembangan analisis laras ekonomi yang selanjutnya seperti berikut:

#### (a) Faktor Keperluan Masa Depan

Kemajuan sesebuah negara itu amat bergantung pada tahap ekonomi sesebuah negara tersebut. Sebarang kekeliruan yang wujud khususnya berkaitan laras ekonomi akan dapat diatasi dan seterusnya memudahkan ahli ekonomi lebih memahami teks laporan ekonomi berdasarkan kriteria-kriteria yang dibincangkan. Kepopularan istilah-istilah ekonomi yang dikenal pasti sudah pastinya dapat meningkatkan daya pemahaman ahli ekonomis terhadap bidang ekonomi ini. Jadi, masa depan bidang ekonomi akan menjadi lebih cerah berdasarkan kajian terhadap bidang ini secara berterusan.

#### (b) Kemantapan Bahasa Melayu

Sejak dari dulu lagi, bahasa Melayu merupakan bahasa linguafranca. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ahli bahasa sentiasa membentuk kosa kata baru dan yang seumpamanya untuk meningkatkan lagi kemantapan bahasa Melayu itu sendiri khususnya dalam bidang ekonomi. Pelbagai jenis kamus istilah ekonomi dihasilkan dan pengkajian terhadap bidang ini juga semakin bertambah. Penemuan ini amat penting kerana ekonomi akan berkembang maju dari semasa ke semasa. Pengaruh bahasa lain juga memperkaya bahasa Melayu itu kerana sifat bahasa Melayu itu sendiri yang dikatakan 'fleksibel' dapat meningkatkan lagi martabat bahasa Melayu itu sendiri. Jadi, hasil daripada

penemuan tersebut, bahasa Melayu akan menjadi bahasa antarabangsa dan seterusnya dapat menyampaikan segala ilmu dalam segala bidang.

(c) Keperluan Antarabangsa

Bahasa Melayu sebagai bahasa sejagat amat memerlukan kemajuan khususnya untuk meningkatkan taraf ekonomi negara kita. Kemampuan bahasa Melayu yang mampu menyalurkan idea untuk segenap bidang dapat memberikan keyakinan kepada pengguna bahasa untuk menaruh kepercayaan terhadap bahasa ini. Kajian seumpama ini amat diperlukan seterusnya bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai wahana penyalur maklumat yang terpenting dalam segala bidang di seluruh dunia. Oleh itu, kajian ini dapat memenuhi keperluan bahasa Melayu untuk melangkah setapak ke hadapan sebagai bahasa antarabangsa.

(d) Sejarah

Kajian yang lalu dapat memberikan ilham kepada pengkaji yang seterusnya untuk mengesan idea yang terpendam selama ini yang tidak pernah dikaji. Hasil peninggalan sejarah dapat memberikan petunjuk kepada pengkaji seterusnya pada masa akan datang untuk membuktikan kebenaran sesuatu teori mahupun menyangkal kebenaran yang tersedia ada. Jadi, kajian seumpama ini harus diteruskan demi masa depan khususnya pencapaian cemerlang tahap ekonomi negara kita.

#### **6.4 KOMEN AKHIR**

Kesimpulannya, analisis laras bahasa khususnya terhadap aspek kata menampakkan hasilnya juga walaupun tidak merangkumi semua aspek (kata dan frasa) tetapi bersifat menyeluruh (kata). Saya amat berharap agar kajian seumpama ini dapat membantu mempertingkatkan industri pengkajian bahasa khususnya dalam bidang ekonomi di negara kita dan juga untuk peringkat antarabangsa. Selain itu, kajian seumpama ini juga diharapkan dapat memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri agar dapat dijadikan wahana penyampai pemikiran yang terulung di dunia.